PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Momentum pertumbuhan bertambah kukuh

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 5.0% pada suku ketiga dengan permintaan dalam negeri terus memacu pertumbuhan. Pertumbuhan dalam perbelanjaan sektor swasta adalah lebih tinggi, disokong oleh penggunaan dan pelaburan swasta. Selepas mencatat penguncupan selama empat suku tahunan berturut-turut, eksport kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Ini telah mendorong sumbangan positif eksport bersih kepada pertumbuhan, meskipun import mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku itu. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim (quarter-on-quarter seasonally adjusted), ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 1.7% (S2 2013: 1.4%).

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 8.3% (S2 2013: 7.4%) disebabkan oleh pertumbuhan yang berterusan dalam perbelanjaan isi rumah dan perniagaan, serta perbelanjaan sektor awam.

Penggunaan swasta berkembang sebanyak 8.2% pada suku ketiga. Perbelanjaan isi rumah disokong oleh keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan pertumbuhan upah yang lebih tinggi, khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Pertumbuhan penggunaan awam menjadi sederhana pada suku ketiga (7.8%; S2 2013: 11.8%), mencerminkan terutamanya perbelanjaan Kerajaan yang lebih sederhana untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.6% (S2 2013: 6.0%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor swasta. Pelaburan sektor swasta berkembang sebanyak 15.2% (S2 2013:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	11.4	7.8	8.2	7.4	8.3
Penggunaan	7.4	4.9	6.2	8.1	8.1
Sektor swasta	*8.6*	*6.2*	*7.5*	*7.2*	*8.2*
Sektor awam	*2.4*	*1.2*	*0.6*	*11.8*	*7.8*
Pembentukan Model Tetap Kasar	22.3	16.0	13.1	6.0	8.6
Sektor swasta	*22.4*	*20.1*	*10.8*	*12.7*	*15.2*
Sektor awam	*22.2*	*12.9*	*17.3*	*-6.4*	*-1.3*
Eksport Bersih	-47.6	-9.3	-36.4	-41.6	1.6
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-2.5*	*-1.6*	*-0.6*	*-5.2*	*1.7*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*4.5*	*-0.6*	*3.6*	*-2.0*	*1.8*
KDNK	**5.3**	**6.5**	**4.1**	**4.4**	**5.0**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**1.0**	**2.2**	**-0.3**	**1.4**	**1.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk eksplorasi mineral, penyelidikan & pembangunan, dan lain-lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi
(pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.3	0.6	5.6	6.0	0.4	2.1
Perlombongan	8.4	-1.2	4.2	-1.9	4.1	1.7
Perkilangan	24.9	3.3	5.7	0.3	3.5	4.2
Pembinaan	3.5	17.9	17.6	14.2	9.9	10.1
Perkhidmatan	54.6	7.0	6.4	6.1	5.0	5.9
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.3**	**6.5**	**4.1**	**4.4**	**5.0**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.0**	**2.2**	**-0.3**	**1.4**	**1.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

12.7%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan, serta projek-projek yang sedang dilaksanakan dalam sektor minyak dan gas. Mengikut jenis aset, aktiviti pelaburan didorong terutamanya oleh perbelanjaan bagi struktur (11.0%; S2 2013: 10.9%). Walau bagaimanapun, pelaburan awam mencatat kemerosotan yang lebih kecil (-1.3%; S2 2013: -6.4%), berikutan perbelanjaan modal oleh perusahaan awam dalam sektor pengangkutan, minyak dan gas, serta utiliti diimbangi oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang terus merosot.

Sektor ekonomi utama berkembang dalam keadaan permintaan dalam negeri yang terus kukuh dan aktiviti perdagangan yang bertambah baik

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi bertambah baik pada suku ketiga. Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus berkembang, disokong oleh permintaan dalam negeri dan aktiviti perdagangan yang bertambah baik. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong terutamanya oleh pengeluaran tanaman makanan, manakala pertumbuhan yang lebih sederhana dalam sektor perlombongan mencerminkan pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih rendah. Sektor pembinaan terus mencatat pertumbuhan yang mampan, didorong terutamanya oleh subsektor kediaman. Pertumbuhan turut disokong oleh subsektor bukan kediaman dan kejuruteraan awam.

Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 5.9% pada suku ketiga (S2 2013: 5.0%), disokong oleh permintaan dalam negeri dan aktiviti perdagangan dan perkilangan yang bertambah baik. Pertumbuhan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit lebih tinggi pada 5.9% (S2 2013: 5.0%), disebabkan terutamanya oleh segmen runcit berikutan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi. Sementara itu, segmen borong bertambah baik, sejajar dengan aktiviti perdagangan yang lebih tinggi. Faktor-faktor ini juga menyokong pertumbuhan yang lebih tinggi dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan (5.1%; S2 2013: 4.2%). Subsektor komunikasi terus berkembang kepada 10.8% (S2 2013: 9.8%) didorong oleh permintaan yang berterusan untuk perkhidmatan komunikasi data. Subsektor kewangan dan insurans kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.8% (S2 2013: -0.1%), berikutan peningkatan dalam pendapatan berasaskan fi, dan pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan berasaskan faedah bersih ekoran aktiviti pemberian pinjaman bank yang menggalakkan.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**41.0**	**8.9**	**8.3**	**6.3**	**4.1**	**5.0**
Kewangan & insurans	17.2	11.7	10.8	6.2	-0.1	0.8
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.1	7.5	6.6	6.3	6.9	8.3
Pengangkutan & penyimpanan	6.7	3.7	4.4	3.8	4.2	5.1
Komunikasi	7.0	9.2	8.6	9.0	9.8	10.8
Perkhidmatan Akhir	**59.0**	**5.7**	**5.1**	**5.9**	**5.6**	**6.5**
Perdagangan borong & runcit	26.1	4.5	2.4	5.9	5.0	5.9
Penginapan & restoran	4.5	4.1	4.8	6.2	4.9	5.5
Utiliti	4.6	3.8	4.1	3.9	4.1	4.0
Perkhidmatan Kerajaan	14.7	10.9	11.3	7.0	7.7	9.5
Perkhidmatan lain	9.2	3.4	4.1	5.2	5.3	5.1
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**[1]	**7.0**	**6.4**	**6.1**	**5.0**	**5.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	118.3	118.7	122.9	109.7	102.0
Indeks Perdagangan Runcit MIER	130.2	94.8	101.0	104.9	107.9
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	129.9	129.8	115.5	112.6	138.8
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	-2.2	2.9	15.9	0.6	n.a.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	2.9	8.6	9.1	18.9	22.7
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.6	7.1	7.7	7.0	7.3
Jumlah pinjaman terkumpul	11.9	10.4	10.6	9.1	9.5
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	11.8	12.1	14.2	14.6	11.9
Import barangan penggunaan	9.7	5.6	3.0	12.4	9.7
Jumlah jualan kenderaan bermotor	2.7	12.9	13.9	-4.3	11.0
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	1.7	0.4	-0.4	0.5	3.0

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (RM juta pada harga malar tahun 2005)		**3.3**	**5.7**	**0.3**	**3.5**	**4.2**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**3.5**	**6.0**	**0.2**	**3.6**	**4.3**
Industri berorientasikan eksport	**80.2**	**2.5**	**5.3**	**-0.5**	**1.8**	**4.2**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**32.3**	**1.9**	**3.9**	**1.1**	**1.3**	**4.0**
antaranya:						
Elektronik	21.4	5.1	12.7	8.1	8.6	10.1
Keluaran elektrik	10.9	-1.9	-5.8	-7.0	-7.9	-4.0
Kelompok keluaran berkaitan	**47.9**	**2.7**	**6.0**	**-1.3**	**2.1**	**4.4**
antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	17.4	5.9	7.8	3.5	5.0	9.1
Keluaran petroleum	15.8	-0.2	4.2	-11.4	0.1	0.6
Keluaran getah	2.5	1.5	3.2	12.1	6.7	13.1
Pemprosesan di luar estet	3.7	-2.5	11.1	11.9	0.2	-0.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**19.8**	**6.9**	**8.1**	**2.4**	**9.1**	**4.4**
Kelompok berkaitan pembinaan	**8.3**	**10.5**	**10.5**	**2.7**	**7.9**	**0.8**
antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	5.5	1.6	-1.6	-3.7	-8.2	-3.5
Keluaran logam yang direka	2.8	21.6	25.2	9.6	27.2	5.2
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**11.5**	**3.9**	**6.2**	**2.1**	**10.2**	**7.5**
antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	4.3	11.9	19.1	8.5	23.9	12.0
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.2	2.1	0.7	-1.0	1.2	2.5

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan terus berkembang pada suku ketiga (4.2%; S2 2013: 3.5%), disokong oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang bertambah baik dan pertumbuhan yang mampan dalam industri berorientasikan dalam negeri. Pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport adalah lebih tinggi pada suku itu (4.2%; S2 2013: 1.8%), apabila permintaan terhadap kimia dan keluaran kimia, petroleum bertapis, serta keluaran elektrik dan elektronik memberikan sokongan yang berterusan kepada sektor ini. Industri berorientasikan dalam negeri meningkat sebanyak 4.4% (S2 2013: 9.1%), disokong oleh permintaan yang berterusan untuk kelengkapan pengangkutan, makanan, minuman dan keluaran tembakau.

Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan	27.2	25.6	16.3	11.6	12.0
Kediaman	21.1	25.0	10.8	25.6	23.6
Bukan kediaman	16.1	7.9	-1.4	0.5	9.9
Kejuruteraan awam[1]	43.8	41.0	40.6	12.5	6.7
Kelulusan perumahan	3.2	12.3	-19.4	-37.8	-1.0
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan	10.5	10.5	2.7	7.9	0.8
Produk berstruktur logam	40.4	40.9	16.1	60.6	4.9
Besi dan keluli	-5.9	-3.6	6.6	-1.7	11.0
Produk tanah liat dan seramik berstruktur bukan refraktori	6.0	3.4	-6.3	-8.2	-9.3
Konkrit siap dibancuh	18.2	18.4	23.1	17.8	10.6
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	5.3	-59.6	-28.9	-5.8	-1.4
Pengeluaran	48.8	4.2	23.5	25.8	-4.0

[1] Termasuk kerja-kerja pertukangan khas seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**0.6**	**5.6**	**6.0**	**0.4**	**2.1**
Tanaman Industri	**55.7**	**-3.9**	**4.9**	**5.4**	**-5.5**	**-1.9**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	36.5	1.6	11.6	14.6	1.2	-0.5
Getah	8.2	-14.9	0.9	-2.2	-26.2	-2.2
Tanaman Makanan	**44.3**	**6.6**	**6.7**	**6.7**	**7.3**	**7.0**
Antaranya:						
Perikanan	14.4	4.9	5.8	6.9	1.3	2.0
Ternakan	11.7	6.7	11.6	6.7	8.1	11.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100**	**-1.2**	**4.2**	**-1.9**	**4.1**	**1.7**
Pengeluaran						
Antaranya:						
Minyak mentah dan kondensat	-	-0.6	5.8	-3.5	2.0	-1.0
Gas asli	-	-1.7	4.6	0.3	8.1	6.9

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan adalah lebih tinggi sedikit pada suku ketiga (80%; S2 2013: 79%). Industri eksport dan berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 82% dan 75% daripada jumlah kapasiti (S2 2013: masing-masing 79% dan 76%).

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang stabil pada suku ketiga (10.1%; S2 2013: 9.9%). Pertumbuhan didorong oleh peningkatan dalam subsektor kediaman, disokong oleh aktiviti pembinaan harta tanah bertingkat tinggi dan mewah di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Pertumbuhan terus meningkat dalam subsektor bukan kediaman berikutan peningkatan projek-projek kompleks perniagaan dan perindustrian. Subsektor kejuruteraan awam terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berikutan beberapa projek infrastruktur, minyak dan berkaitan gas yang hampir siap. Ini termasuk Jambatan Kedua Pulau Pinang, laluan berkembar Ipoh-Padang Besar, projek penyaluran air mentah Pahang-Selangor dan Sabah Oil and Gas Terminal.

Sektor pertanian meningkat sebanyak 2.1% pada suku ketiga (S2 2013: 0.4%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam tanaman makanan. Pengeluaran tanaman perindustrian mengalami penguncupan disebabkan terutamanya oleh pengeluaran

minyak sawit dan getah yang menguncup. **Sektor perlombongan** mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 1.7% (S2 2013: 4.1%), mencerminkan pengeluaran gas asli yang lebih rendah, manakala pengeluaran minyak mentah menguncup sedikit disebabkan oleh kerja-kerja penyenggaraan.

Inflasi lebih tinggi pada suku ketiga

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih tinggi pada 2.2% pada suku ketiga (S2 2013: 1.8%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan* dan *makanan dan minuman bukan alkohol*.

Inflasi dalam kategori *pengangkutan* meningkat kepada 2.0% pada suku ketiga (S2 2013: 0.4%), disebabkan oleh pelarasan menaik bagi harga produk petroleum pada bulan September 2013. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* juga meningkat kepada 3.8% (S2 2013: 3.5%) disebabkan oleh permintaan yang lebih kukuh pada bulan Ramadhan.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mencatat penurunan pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 2.3% pada suku ketiga (S2 2013: -4.1%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.0% (S2 2013: -10.8%). Sementara itu, harga komponen bukan berkaitan komoditi terus merosot sebanyak 0.3% (S2 2013: -0.2%). Harga komponen tempatan dan diimport juga merosot pada kadar yang lebih perlahan, masing-masing sebanyak 2.9% dan 1.1% (S2 2013: masing-masing -5.2% dan -1.6%).

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan pada suku ketiga

Keadaan guna tenaga bertambah baik pada suku ketiga, dengan jumlah guna tenaga berpurata sebanyak 13.6 juta orang pada tempoh dua bulan pertama suku itu. Ini mencerminkan pertambahan pekerjaan bersih sebanyak 381 ribu orang berbanding dengan suku sebelumnya. Kadar pengangguran kekal rendah pada 3.1% pada bulan Julai-Ogos (S2 2013: 3.0%). Permintaan terhadap pekerja juga kekal kukuh pada suku ketiga, seperti yang ditunjukkan oleh jumlah kekosongan jawatan yang lebih tinggi dalam Portal JobsMalaysia (361,080 jawatan; S2 2013: 353,261 jawatan).

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai tahun 2012, data kekosongan jawatan tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya ekoran pengelasan semula data

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia mencatat penurunan yang nyata kepada 1,699 orang (S2 2013: 4,854 orang), disebabkan oleh pemberhentian pekerja yang berkurang dengan ketara dalam sektor perkilangan. Sementara itu, agregat upah benar dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 8.1% (S2 2013: 5.6%), disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport, manakala pertumbuhan upah kekal dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Kedudukan luaran bertambah baik pada S3

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM9.8 bilion pada suku ketiga, bersamaan dengan 4.1% daripada PNK (S2 2013: RM2.6 bilion atau 1.1% daripada PNK), disebabkan terutamanya oleh lebihan akaun barangan yang lebih tinggi.

Lebihan perdagangan meningkat kepada RM18.6 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM8.2 bilion) berikutan prestasi eksport kasar yang bertambah baik dalam keadaan import kasar yang terus berkembang.

Imbangan Pembayaran[1]

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Akaun Semasa	**9.6**	**22.9**	**8.7**	**2.6**	**9.8**
(% daripada PNK)	*4.2*	*9.6*	*3.9*	*1.1*	*4.1*
Barangan	25.6	34.3	24.7	18.7	25.8
Perkhidmatan	-2.3	-2.2	-3.4	-3.7	-4.3
Pendapatan primer	-8.9	-5.6	-8.8	-8.4	-8.1
Pendapatan sekunder	-4.7	-3.5	-3.8	-4.1	-3.5
Akaun Kewangan	**-9.0**	**-10.3**	**1.0**	**5.2**	**-11.5**
Pelaburan langsung	1.5	-18.4	-2.2	-7.9	2.0
Aset	*-7.2*	*-16.5*	*-11.5*	*-15.4*	*-7.3*
Liabiliti	*8.7*	*-1.9*	*9.4*	*7.4*	*9.3*
Pelaburan portfolio	27.8	10.4	3.9	3.7	-9.7
Aset	*-6.0*	*-4.1*	*-5.3*	*-11.0*	*-10.3*
Liabiliti	*33.8*	*14.5*	*9.2*	*14.7*	*0.6*
Derivatif kewangan	-0.1	0.1	0.2	-1.4	0.6
Pelaburan lain	-38.3	-2.3	-0.9	10.8	-4.4
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-8.1	-7.0	-5.6	-6.2	13.4
Imbangan Keseluruhan	**-7.5**	**5.9**	**4.0**	**1.5**	**11.8**

[1] Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selepas mencatat penguncupan selama empat suku tahunan berturut-turut, eksport kasar bertukar arah dan mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga (7.6%; S2 2013: -5.4%) disokong oleh permintaan luaran yang bertambah baik dan harga komoditi yang lebih menggalakkan. Eksport negara ke rantau ini lebih tinggi, terutamanya produk petroleum

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**-1.9**	**-2.2**	**-2.6**	**-5.4**	**7.6**
Perkilangan	66.9	-1.3	-2.4	-3.2	-2.5	6.5
E&E	*32.9*	*-1.7*	*-4.4*	*-4.9*	*-4.0*	*5.3*
Bukan E&E	*34.0*	*-0.9*	*-0.6*	*-1.5*	*-1.1*	*7.7*
Petroleum & berkaitan pertanian	*12.9*	*-5.1*	*-1.7*	*-3.5*	*-3.7*	*1.2*
Kelengkapan & logam	*12.6*	*6.2*	*1.8*	*-0.7*	*-2.3*	*13.6*
Pelbagai barangan perkilangan	*8.5*	*-3.7*	*-2.3*	*0.4*	*4.8*	*8.7*
Komoditi	32.2	-4.0	-2.4	-1.8	-11.5	11.2
Mineral	*20.8*	*9.8*	*7.4*	*6.2*	*-5.9*	*23.8*
Pertanian	*11.4*	*-21.2*	*-16.8*	*-17.0*	*-21.2*	*-10.7*
Import Kasar	**100.0**	**6.9**	**0.9**	**6.4**	**2.5**	**7.5**
Barangan pengantara	60.0	-3.8	-9.6	0.0	3.0	4.0
Barangan modal	15.8	21.6	14.3	13.8	-6.2	3.6
Barangan penggunaan	7.2	9.7	5.6	3.0	12.4	9.7
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	17.0	44.1	31.3	26.6	5.0	21.8
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**17.1**	**26.9**	**16.3**	**8.2**	**18.6**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

bertapis, E & E, produk logam serta kimia dan keluaran kimia. Walau bagaimanapun, eksport ke AS dan Jepun masih lemah.

Import kasar berkembang lebih cepat pada 7.5% (S2 2013: 2.5%) didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam import produk untuk dieksport semula dan pengembangan berterusan dalam kategori import lain. Pertumbuhan import yang nyata untuk aktiviti eksport semula mencerminkan pengembangan berterusan dalam kemudahan penyimpanan di selatan Johor, terutamanya untuk petroleum bertapis dan tembaga. Import barangan pengantara dan modal meningkat pada kadar yang lebih cepat selaras dengan eksport barangan perkilangan serta pelaburan yang lebih tinggi pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, pertumbuhan import barangan penggunaan menjadi sederhana disebabkan oleh import makanan dan minuman serta barangan pengguna separuh tahan lama.

Akaun perkhidmatan mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM4.3 bilion pada suku ketiga (S2 2013: -RM3.7 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran yang lebih

tinggi untuk pengangkutan sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti perdagangan pada suku tersebut. Selain itu, pendapatan perjalanan lebih rendah berikutan perbelanjaan pelancong di Malaysia yang berkurang berbanding dengan suku sebelumnya.

Defisit dalam baki pendapatan utama mengecil sedikit kepada RM8.1 bilion (S2 2013: -RM8.4 bilion), berikutan peningkatan pendapatan pelaburan syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri terutamanya ke dalam syarikat minyak dan gas serta perkhidmatan.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM11.5 bilion pada suku ketiga (S2 2013: aliran masuk sebanyak RM5.2 bilion) disebabkan oleh aliran masuk bersih pelaburan langsung telah diimbangi oleh aliran keluar pelaburan portfolio dan pelaburan lain.

Pelaburan langsung masuk (atau perubahan dalam liabiliti pelaburan langsung) lebih tinggi dan mencatat aliran masuk sebanyak RM9.3 bilion (S2 2013: RM7.4 bilion) hasil daripada pendapatan tertahan yang lebih tinggi pada suku tersebut memandangkan syarikat multinasional meraih keuntungan yang lebih tinggi dan mengurangkan penghantaran balik dividen kepada pemegang saham di luar negeri.

Pelaburan langsung dibuat terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan serta minyak dan gas.

Pelaburan langsung keluar (atau perubahan dalam aset pelaburan langsung) adalah lebih kecil pada RM7.3 bilion (S2 2013: RM15.4 bilion pelaburan langsung keluar). Ini disebabkan oleh pemberian modal ekuiti yang lebih kecil berikutan pendapatan tertahan yang lebih tinggi di luar negeri. Pelaburan dibuat terutamanya oleh syarikat Malaysia dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM9.7 bilion pada suku ketiga (S2 2013: aliran masuk sebanyak RM3.7 bilion). Ini disebabkan oleh pelaburan portfolio di luar negeri yang berterusan oleh pelabur institusi pemastautin dalam keadaan aliran masuk pelaburan portfolio bukan pemastautin yang kecil. Pada awal suku ketiga, terdapat aliran keluar dana portfolio asing yang agak besar sejajar dengan ketidakpastian dalam pasaran kewangan global yang timbul ekoran kemungkinan berlakunya pengurangan terhadap program pembelian aset oleh Federal Reserve Bank. Namun, menjelang akhir suku ketiga, Malaysia mencatat aliran masuk semula ekoran berkurangnya jangkaan bahawa pengecilan oleh

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**8.7**	**8.3**	**4.1**	**-2.9**	**-4.7**	**-7.7**
Kesatuan Eropah (EU)	**8.8**	**-19.2**	**-15.9**	**-6.4**	**-3.4**	**16.2**
Jepun	**11.9**	**1.7**	**-13.7**	**-9.5**	**-9.5**	**-2.4**
Negara ASEAN terpilih[1]	**26.4**	**10.5**	**8.0**	**9.9**	**0.8**	**11.2**
Timur Laut Asia	**23.6**	**-8.4**	**-4.1**	**-5.3**	**10.1**	**14.4**
Republik Rakyat China	*12.6*	*-11.6*	*-4.8*	*-1.7*	*-9.6*	*17.6*
Hong Kong SAR	*4.3*	*0.2*	*-4.2*	*-9.0*	*-9.4*	*4.3*
Korea	*3.6*	*-9.2*	*2.9*	*-4.0*	*-9.2*	*9.9*
China Taipei	*3.1*	*-5.5*	*-8.4*	*-16.7*	*-14.5*	*20.9*
Asia Barat[2]	**3.4**	**2.5**	**-8.8**	**-1.3**	**5.4**	**-2.0**
India	**4.2**	**0.7**	**12.9**	**-3.0**	**-10.2**	**-15.8**
Jumlah eksport	**100.0**	**-1.9**	**-2.2**	**-2.6**	**-5.4**	**7.6**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2]Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Fed akan berlaku. Terdapat juga aliran masuk dana portfolio disebabkan oleh terbitan bon luar pesisir dalam denominasi mata wang asing oleh sebuah perbadanan awam.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM4.4 bilion (S2 2013: +RM10.8 bilion), memandangkan peningkatan kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia telah lebih daripada mengimbangi jualan aset di luar negeri oleh sektor perbankan domestik.

Imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM11.8 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM1.5 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E&O) berjumlah +RM13.4 bilion (4.1% daripada jumlah perdagangan). Ini sebahagiannya mencerminkan penambahan rizab antarabangsa yang disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing, apabila ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama pada suku tersebut.

Hutang luar negeri

Jumlah hutang luar negeri meningkat kepada RM306.6 bilion atau USD93.2 bilion pada akhir bulan September 2013 (akhir bulan Jun: RM284.7 bilion atau USD88.6 bilion), bersamaan dengan 32.1% daripada PNK.

Hutang luar negeri jangka sederhana dan jangka panjang meningkat kepada RM186.3 bilion, mencerminkan terutamanya ambilan bersih peminjaman luar negeri oleh Perbadanan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta. Pada akhir bulan September 2013, hutang luar negeri jangka pendek juga lebih tinggi pada RM120.3 bilion disebabkan terutamanya oleh ambilan bersih peminjaman antara bank. Jumlah hutang luar negeri yang lebih tinggi pada suku itu juga disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang serantau dan utama.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2012	2013	
	akhir Sept	akhir Jun	akhir Sept[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	159.1	170.3	186.3
Sektor awam	84.8	82.2	92.8
Sektor swasta	74.3	88.0	93.5
Hutang jangka pendek[1]	100.5	114.4	120.3
Jumlah hutang luar negeri	**259.6**	**284.7**	**306.6**
bersamaan USD bilion	83.9	88.6	93.2
Hutang luar negeri/PNK (%)	28.7	29.8	32.1
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.2	3.8	3.7[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Oktober 2013
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM444.6 bilion (bersamaan dengan USD136.5 bilion) pada 30 September 2013. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Oktober 2013, rizab berjumlah sebanyak RM446.2 bilion (bersamaan dengan USD137.1 bilion),

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan ialah 3.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hasil Kerajaan terus menyokong perbelanjaan

Hasil Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 9.4% pada asas tahunan kepada RM57 bilion pada suku ketiga, didorong terutamanya oleh pungutan cukai pendapatan individu. Hasil yang lebih tinggi ini telah menampung perbelanjaan mengurus yang digunakan terutamanya untuk emolumen, bekalan dan perkhidmatan, serta subsidi. Perbelanjaan pembangunan lebih rendah berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu, dengan sebahagian besar daripadanya disalurkan kepada sektor pengangkutan dan pendidikan. Pada suku ketiga, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal sebanyak RM5.4 bilion atau -2.2% daripada KDNK (S2 2013: -1.9% daripada KDNK). Pada akhir bulan September 2013, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan sebanyak RM529.2 bilion atau 53.6% daripada anggaran KDNK tahun 2013.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2012		2013[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	52.1	57.2	43.8	51.6	57.0
% pertumbuhan tahunan	*7.8*	*20.0*	*-8.6*	*1.7*	*9.4*
Perbelanjaan mengurus	50.1	61.6	49.9	49.2	53.4
% pertumbuhan tahunan	*2.5*	*13.1*	*9.4*	*2.0*	*6.7*
Akaun semasa	**2.0**	**-4.5**	**-6.1**	**2.4**	**3.6**
% daripada KDNK	***0.9***	***-1.8***	***-2.6***	***1.0***	***1.4***
Perbelanjaan pembangunan bersih	10.8	16.6	8.8	6.8	9.0
% pertumbuhan tahunan	*-12.0*	*-10.2*	*8.3*	*-22.4*	*-16.5*
Imbangan keseluruhan	**-8.8**	**-21.1**	**-14.9**	**-4.4**	**-5.4**
% daripada KDNK	***-3.7***	***-8.7***	***-6.4***	***-1.9***	***-2.2***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	60.9	78.3	58.7	56.0	62.4
% pertumbuhan tahunan	*-0.4*	*7.2*	*9.3*	*-1.8*	*2.6*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	484.6	501.6	508.9	519.3	529.2
% daripada KDNK	*51.5*	*53.3*	*51.5*	*52.6*	*53.6*
Hutang dalam negeri	467.4	484.8	492.8	502.9	512.3
% daripada KDNK	*49.7*	*51.5*	*49.9*	*50.9*	*51.9*
Hutang luar negeri	17.3	16.8	16.1	16.5	16.9
% daripada KDNK	*1.8*	*1.8*	*1.6*	*1.7*	*1.7*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia